

22/01/2003

Pelajar MRSM-YT mahu PM campur tangan

Wakil Pelajar MRSM-YT

KAMI pelajar Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu (MRSM-YT),  
Besut,

Terengganu yang terpaksa berpindah apabila maktab itu ditutup mahukan  
campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam  
menyelesaikan masalah itu.

Kasihanlah kami yang akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran  
Malaysia  
dan Penilaian Menengah Rendah tahun ini.

Ada di antara kami yang sedang mengulang kaji untuk mengambil  
peperiksaan ulangan subjek yang kami gagal. Kami tidak ada masa hendak  
mengemas barang dan semua peralatan. Ini menyebabkan jiwa dan perasaan  
kami berserabut memikirkan nasib yang terpaksa berpindah pada masa yang  
tidak sesuai.

Kami juga kasihan melihat pengetua, guru dan kakitangan maktab yang  
muram apabila mendapat arahan perpindahan itu. Mengapa perkara ini perlu  
berlaku terhadap kami, yang rata-rata pelajar Melayu dan anak negeri  
Terengganu.

WAKIL PELAJAR MRSM-YT,  
Kuala Terengganu, Terengganu.